

# 30 LANGKAH MEMIKAT LELAKI

*Langkah Mudah dan Berkesan*

*E'shah*

*Untukmu, wahai gadis  
yang mencari cinta hatinya.*

# Apa Punca Kamu Jatuh Cinta?

Cinta adalah seni. Bukan hanya sebagai kehendak dan pelengkap pada kehidupan setiap insan bergelar manusia. Cinta itu indah. Cinta itu juga manis. Ia sangat berseni.

Justeru, dalam mengenali apa itu cinta dan bagaimana mahu memikat pasangan, ada baiknya kita mengenali dahulu apakah yang menjadi punca cinta ini.

Ada yang mengatakan dengan adanya cinta, dunia akan menjadi harmoni. Ada juga yang mengatakan, cinta adalah penyebab lahirnya tamadun manusia sejak beribu-ribu tahun dahulu.

Wahai cinta, besar sungguh peranan dan tanggungjawabmu pada kehidupan manusia.

Jadi, apakah punca anda jatuh cinta?

- Pandang pertama
- Persamaan karakter
- Ego
- Nafsu

## **Pandang Pertama**

Kamu mungkin bersetuju jika dikatakan banyak pasangan yang jatuh cinta pada pandangan pertama mereka. Seperti dalam Bahasa Inggerisnya, *love at the first sight*. Bukan sedikit mereka yang mempunyai pengalaman jatuh cinta bermula daripada pandang pertama ini.

Apa yang membuatkan kamu terpesona melihatnya sehingga membuatkan jantung berdegup kencang? Adakah kerana ketampanannya atau kerana sikap yang ditunjukkannya?

Walau apa pun alasan yang kamu berikan, cinta yang lahir pada pandangan pertama ini sangat kuat. Ia ibarat benih yang ditanam. Jika disiram dan dibajai, ia akan membesar dengan sihat dan pasti memberikan hasil yang positif.

Cinta pandang pertama adalah yang pasti akan diingat untuk satu waktu yang lama. Ia akan tersemat dalam ingatan seseorang cukup lama. Ada yang mengingatnya sehingga sudah bercucu sekali pun.

Indah, bukan? Ia sememangnya manis dan mempesonakan. Ia juga mampu membuatkan seseorang menjadi tidak keruan atau sehingga hilang pertimbangan. Ia adalah seperti racun yang menular di dalam

pembuluh darah. Ia boleh 'meracuni' seseorang supaya terus berasa teruja dengannya.

Adakah kamu juga begitu, wahai gadis? Adakah kamu juga pernah merasainya?

Jika kamu juga begitu, bersyukurlah. Kerana tidak semua orang sepertimu yang dapat merasai cinta pandang pertama ini.

### **Persamaan Karakter**

*"Aku mahukan pasanganku nanti mempunyai karakter yang sama, atau hampir sama sepertiku."* Mungkin kamu pernah mengungkapkan ayat ini suatu masa dahulu ketika ditanya apakah ciri-ciri lelaki idaman. Percayalah, ramai yang menginginkan perkara yang sama seperti kamu fikirkan.

Wahai gadis, persamaan sifat dan karakter pasangan merupakan satu bonus. Kamu akan cepat berasa jatuh cinta dengannya kerana mempunyai minat yang sama. Banyak aktiviti anda juga disukai olehnya. Seheinggakan hobi yang selama ini anda sukai juga si dia lakukan. Beruntungnya...

Pasangan yang memiliki persamaan ini sering dikatakan sukar untuk mencapai kebahagiaan seperti yang diharapkan. Orang tua-tua ada berpesan, jangan mencari pasangan hidup yang memiliki banyak persamaan dengan kita. Mungkin betul dan mungkin juga tidak. Kita akan membincangkan lagi mengenai perkara ini.

Persamaan karakter sering membawa kebahagiaan pada kita, gadis. Kita sering mencari persamaan dalam perhubungan. Kerana, kita berpendapat dengan adanya persamaan, banyak keputusan boleh dibuat tanpa adanya perbalahan.

Justeru, apakah persamaan karakter ini sesuatu yang salah dalam melahirkan bibit-bibit kecintaan?

### **Ego**

Wahai gadis, apakah egomu setebal tembok besar cina atau senipis kulit bawang? Apakah kamu mempunyai ego yang sukar diruntuhkan?

Setiap insan di dunia ini mempunyai egonya yang tersendiri. Usah berasa takut dengan egomu. Kerana egomu juga boleh menjadi penyebab adanya bunga cinta di antara kamu dan si dia nanti.

Tetapi, adakalanya lunturkan dahulu egomu agar mudah kamu menerima seorang lelaki dalam hidupmu.

Lelaki juga terkenal sebagai orang yang memiliki ego paling tinggi. Jika tidak, masakan ada lelaki-lelaki hebat yang berjaya menjadi pemerintah. Jika tiada ego, bagaimana mahu lelaki itu menjadi orang yang dihormati?

Ego, ada yang baik dan ada yang tidak baik. Hanya cara pembawaannya sahaja yang akan membezakan.

Usahlah letak egomu separas awan di langit, wahai gadis. Cukuplah dengan meletakkan ia setinggi kepalamu, agar mudah untuk kamu rendahkan ia apabila diperlukan.

Apakah selama ini kamu sukar mendapat pasangan dek egomu? Jika kamu menjawab 'ya', sudah masanya kamu nipiskan ia senipis kulit bawang.

### **Nafsu**

Usah menafikan yang kamu mahu berpasangan kerana nafsu. Usah menafikan yang nafsu telah membuatkanmu berusaha mencari pasangan hidup. Jika tiada nafsu bagaimana umat manusia boleh berkembang-biak?

Jika seekor kucing berselisih dengan kucing yang lain, perkara pertama yang dilakukannya adalah melihat kucing itu, membuat bunyi seperti mendesis. Jika tidak berkenan atau bertujuan menunjukkan kekuatan, kedua-duanya akan mengembangkan bulu. Tetapi jika ada persefahaman atau menyukai satu sama lain, kedua-duanya akan mula menghidu dan akhirnya merapatkan hidung sesama mereka.

Bagaimana pula manusia seperti kita? Kita tiada bulu yang mahu dikembangkan. Manakala rambut kita juga tidak dapat dikembangkan. Kita tidak dapat menunjukkan apakah perasaan kita pada ketika itu.

Gadisku, setiap manusia dikurniakan nafsu. Dengan nafsu, kita akan mudah mencari pasangan hidup apabila tiba waktunya. Nafsu juga mendorong dua orang yang berlainan jenis agar sama-sama mengikat satu janji dan seterusnya mendapatkan zuriat.

Nafsu juga membuatkan dua orang yang tidak pernah bertemu sebelumnya mula jatuh cinta. Jatuh cinta pandang pertama ataupun tidak, ia bergantung bagaimana seseorang itu mengawal nafsunya.

Tidak pula dikatakan dengan adanya nafsu, sesuatu hubungan cinta itu akan menjerumuskan kamu ke lembah kemaksiatan. Nafsu sebenarnya adalah perkara indah yang bagus jika kamu menggunakannya dengan bijak dan terkawal.

Wahai gadis, teruskan usahamu mencari pasangan yang kamu rasakan sesuai denganmu dan usahlah takut pada nafsumu sendiri. Kamu bijak mengawalinya.

## **Di Mana Semua Lelaki Baik?**

Wahai gadis, usaha pencarian lelaki yang menjadi idaman bukanlah seperti kita mencari barang untuk dibeli di pasaraya. Mereka tidak

diletakkan di atas rak untuk dipamer. Mereka juga tidak diletakkan tanda harga untuk dibeli.

Pencarian lelaki yang bakal menjadi pasangan hidup kita haruslah tepat dan mampu dicapai. Jika kita mahukan seseorang yang seperti impian selama ini, kita haruslah mencari di tempat yang betul.

Ramai gadis seperti kamu yang bangun pagi, sering tertanya-tanya, *'mengapa aku masih belum menemui jejak idaman?'* Adakah kamu juga seperti ini?

Kajian mendapati 1 daripada 5 orang di Amerika adalah bujang dan masih mencari pasangan hidup mereka. Begitu juga di Malaysia, nisbah gadis bujang lebih besar berbanding lelaki. Ia boleh sahaja mencecah 5:1 atau lebih. Di sini kita harus menerima hakikat, lebih ramai gadis yang tidak menemui jejak idaman seperti yang diharapkan dan ia memakan masa yang sangat lama.

Pencarian bakal suami yang baik sering membuatkan seseorang gadis terpaksa mengorbankan masa mudanya. Ada yang terpaksa berkahwin dengan mana-mana lelaki yang meminangnya lantaran tidak bertemu jejak idaman hati.

Apakah silapnya? Apakah menjadi suatu kesalahan jika kita mencari seorang lelaki yang diidamkan selama ini? Tidak. Ia bukanlah suatu kesalahan. Hanya ia merupakan silap kita yang utama, iaitu kita tidak mencari di tempat yang betul.

Jadi, apakah tempat yang betul? Apakah ada ciri-ciri lokasi yang sesuai untuk kita mendapatkan jejak idaman?

Sudah tertulis di dalam al-Quran, setiap manusia dijadikan berpasang-pasangan. Lelaki yang baik dijadikan untuk gadis yang baik, begitu juga sebaliknya. Justeru, jika kita mahukan jejak idaman seperti mana yang kita tanamkan impian tersebut selama ini, mulakan mencari di tempat yang memenuhi ciri-ciri tersebut.

Jika kita mencari di tempat maksiat, berkemungkinan kita akan menemui lelaki yang tidak elok perangainya. Begitu juga jika kita mencari di tempat yang baik-baik, berkemungkinan besar kita akan menemui lelaki yang baik juga.

## **Jodoh Itu Rahsia Allah SWT**

Sebagai seorang yang kuat berpegang pada ajaran agama, sudah kita ketahui, jodoh adalah rahsia Yang Maha Pencipta. Kita tidak dapat melawan takdir dan ketentuanNya.

Namun begitu, Allah SWT juga berfirman, *'Aku mengikut sangkaan hamba-hambaKu.'*



Apakah maksudnya? Jika kita teliti ayat tersebut, Allah SWT memberitahu yang kita boleh mengubah nasib. Kita boleh menentukan sendiri apa yang kita mahukan pada masa depan. Walaupun kita perlu percaya kepada qada' dan qadar Allah SWT, kita masih lagi diberi ruang untuk menentukan sendiri perjalanan hidup kita.

Jodoh, pertemuan dan perpisahan adalah aturan Allah SWT. Dia adalah sebaik-baik pencipta dan kita hanyalah hambaNya.

Jodoh yang baik sudah diatitkan kepada kita sejak azali lagi. Jodoh yang akan kita temui suatu hari nanti sudah diuruskan olehNya. Namun, Allah tidak menolak doa daripada hambaNya yang soleh dan solehah. Kerana Dia suka jika kita meminta padaNya.

Jadi, mintalah agar kita dipertemukan dengan jodoh yang baik dan sesuai dengan keadaan diri kita. Kita mintalah agar jodoh yang datang nanti dapat diterima dengan baik dan penuh kerelaan. Doa adalah senjata orang mukmin.

Berpegang pada prinsip ini, kita tidak akan mudah terpesong daripada aturan yang kita tetapkan sendiri. Aturan yang kita mahukan, iaitu mahu dijodohkan dengan lelaki yang menjadi impian kita selama ini.

## **Kenapa Perlu Jatuh Cinta?**

Wahai gadis, bukanlah mahu memberikan kisah buruk akan hal perkahwinan. Bukan juga mahu mengatakan yang bercinta itu adalah satu hal yang baik. Hanya mahu menyatakan dengan perasaan cinta maka terlahirlah sifat kasih dan sayang.

Tentu sekali kamu mahu mengahwini lelaki yang juga mencintai kamu, bukan? Justeru, amatlah disarankan kamu dan si dia jatuh cinta terlebih dahulu bagi memudahkan fasa perkenalan nanti.

Zaman kini bukan seperti sebelumnya. Jika dahulu, perkahwinan yang diatitkan oleh ibu bapa boleh diterima dengannya senang hati, kini berlainan pula halnya. Si gadis yang terpaksa berkahwin dengan pilihan ibu bapa boleh menjadi tekanan jiwa.

Banyak juga kita mendengar kes seperti seorang isteri yang sanggup meninggalkan suaminya semata-mata untuk bersama teman lelakinya dahulu. Cinta yang terjalin sebelum perkahwinan yang diatur keluarga begitu kuat sehingga memaksa isteri tadi melakukan kesalahan besar. *Nauzubillah...*

Ada juga pendapat jumud yang mengatakan, jika seorang lelaki dan gadis bercinta, mudah untuk mereka terjerumus dalam lembah kemaksiatan.

Wahai gadis, sudah tentu kamu tidak bersetuju dengan pendapat ini. Sudah pasti kamu akan membangkang apa sahaja kata-kata yang seumpamanya. Benar, percintaan bukanlah satu-satunya penyebab

terjadinya kemaksiatan. Cinta bukanlah satu hal yang hina sehingga ramai yang sanggup mengatakan begitu padanya.

Tidakkah mereka berfikir, dengan cinta membolehkan kita menikmati kehidupan yang manis? Tidakkah mereka berfikir, kita semua lahir juga disebabkan adanya perasaan cinta?

Cinta tidak salah, wahai gadis. Hanya mereka yang tidak tahu membezakan yang mana baik dan yang mana buruk sahaja akan melakukan kemaksiatan yang ditegah dalam apa jua agama pun.



# Seni Memikat

Setiap yang kita lakukan mempunyai seninya. Ia bermaksud, sesuatu yang dilakukan mengikut gayanya yang tertentu sehingga terhasil apa yang dimahukan.

Makan juga mempunyai seninya. Adakah kamu terus menggenggam nasi dan memasukkannya ke mulut? Tidak. Sudah tentu kamu akan menggunakan sudu atau menjemput nasi menggunakan jari-jemari kamu. Bukan menggenggam menggunakan keseluruhan tapak tangan kamu.

Begitu juga dalam memikat. Ia perlukan seninya yang tersendiri. Kamu adalah gadis pilihan di dunia ini. Kamu adalah insan yang terpilih. Namun, kamu tidak boleh hanya menunggu untuk lelaki datang kepadamu. Kamu juga boleh memulakan langkah mendapatkan lelaki idaman yang kamu mahukan.

Ini adalah langkah-langkah yang boleh kamu ikuti.

## **Langkah 1 : Apakah gayamu, wahai gadis?**

Tahukah kamu, lelaki mudah terpicat dengan gadis yang menjaga penampilannya? Mereka bukan sahaja melihat apa yang boleh dilihat oleh mata kasar mereka. Malah, mereka mahu melihat sesuatu yang 'manis' dengan mata mereka itu.

Wahai gadis, ayunya dirimu. Tuhan telah menjadikan setiap ciptaanNya tanpa cacat-cela. Setiap yang diciptakanNya adalah sempurna dan cantik. Kerana itulah setiap manusia suka melihat yang cantik.

Apakah gaya penampilanmu sekarang, gadis? Apakah yang kamu pakai seharian? Tahukah kamu, dengan sedikit perubahan pada gaya penampilanmu sudah boleh membuatkan seorang lelaki jatuh cinta padamu?

Ya, benar. Adakalanya apa yang kamu pakai setiap hari tidak menepati citarasa lelaki yang kamu impikan. Bukanlah mahu mengatakan yang kamu harus menukar gaya penampilan sehingga mendedahkan auratmu. Cukup dengan hanya mengubah warna dan jenis pakaian yang kamu pakai.

Tentu kamu tidak mahu kelihatan seperti kanak-kanak atau orang tua, bukan? Carilah padanan yang sesuai dengan diri kamu. Carilah corak dan warna yang mampu menyerlahkan kecantikan diri kamu.

Setiap gadis adalah berbeza. Ada yang apabila mengenakan busana berwarna terang akan menaikkan lagi seri wajah mereka. Ada pula yang apabila mengenakan cara lilitan tudung yang berlainan semakin menjadikan wajah mereka ayu. Ketahuilah apa yang sesuai denganmu.

Kamu boleh mendapatkan pandangan dan nasihat daripada adik-beradik, sahabat rapat atau ibu kamu berkenaan hal ini. Sudah pasti mereka akan membantumu dengan ikhlas. Siapa yang sengaja mahu melihat orang yang rapat dengannya kelihatan hodoh, bukan?

Kecantikan gayamu bukan juga bermakna kamu perlu mengenakan solekan tebal di wajah. Berikan wajahmu keanggunan semulajadi. Cukup sekadar dengan menyapu bedak ke wajahmu. Jika itu juga tidak membantu, barulah kamu oleskan sedikit warna agar keserian semakin menyerlah.

Namun, ingatlah wahai gadis. Berhati-hatilah dalam berhias agar tidak menimbulkan fitnah kelak. Berhati-hatilah dalam memilih busanamu agar tidak menjadi mangsa lelaki-lelaki miang di luar sana. Kamu berhak menghias diri sehingga kelihatan cantik. Asal sahaja kamu tahu caranya.

## **Langkah 2: Bersikap Terbuka**

Kini, sudah tiba masanya kamu perlu buka minda terhadap cinta. Kamu perlu buka minda kepada cinta yang kamu dambakan. Mungkin selama ini kamu takut dengan 'cinta', sudah masanya kamu mengubah persepsi terhadapnya.

Bersikap terbuka ini bukanlah bermakna kamu perlu melakukan apa sahaja demi mendapatkan cinta seorang lelaki. Sebenarnya, ia lebih kepada apa yang kamu fikirkan mengenai cinta. Berfikir secara positif membuatkan kamu semakin mudah didekati oleh cinta.

Jika kamu sentiasa berfikir negatif terhadap cinta, pastinya kamu sudah membina tembok pemisah antara kamu dan cinta. Maka, sukarlah cinta mahu mendekatimu. Bukankah kamu mahu cinta mudah datang dan dapat kamu kecap? Dengan berfikir negatif, ia tidak akan membantumu.

Terbukalah dengan apa sahaja berkaitan cinta. Kerana kita tidak mungkin tahu apakah cinta yang datang itu merupakan jodoh kita.

Tahukah kamu, salah satu punca yang melambatkan kamu menerima cinta seorang lelaki adalah kerana kamu 'menolaknya' secara tidak sengaja. Kamu tidak perasan akan hal ini kerana ia berada dalam dirimu tanpa disedari.

Wahai gadis, usahlah kamu takut untuk menerima cinta. Usahlah kamu mengatakan yang cinta itu adalah perkara jahat dan perlu dijauhi.

Apa yang boleh kamu lakukan kini adalah meruntuhkan sebarang pemikiran negatif tentang cinta yang wujud dalam diri. Mulai kini, kamu perlu menjadi magnet yang menarik cinta mendekatimu. Kamu perlu sentiasa tanamkan dalam minda, kamu adalah seorang gadis yang baik, kamu adalah kesukaan ramai insan dan kamu juga seorang yang terbuka terhadap perhubungan.

Dalam memastikan konsep keterbukaan ini berjalan dengan cara yang betul, kamu perlu tahu apa batasan yang kamu perlu ada dalam sesuatu

hubungan. Kamu tidak boleh sewenang-wenangnya memberi peluang kepada mana-mana lelaki membawa kamu keluar tanpa adanya teman dalam kalangan mahram kamu sendiri.

Keterbukaan bukanlah satu kaedah yang jahat. Ia juga tidak membawa kamu ke arah yang tidak elok. Ia membolehkan kamu menerima sesuatu hubungan. Tanpa hubungan, sukar kamu mahu mendapatkan si dia yang kamu idamkan selama ini.

Lelaki suka jika orang yang dia mahukan itu tidak terlalu 'jual mahal'. Tetapi tidak juga terlalu murah. Konsep keterbukaan ini bukan mahukan kamu menjaja diri kamu pada lelaki. Ia lebih kepada merapatkan hubungan kamu dan si dia. Bertimbang rasalah dalam mengamalkan konsep keterbukaan ini. Peliharalah diri kamu sebaik-baiknya.

### **Langkah 3 : Dari mata turun ke hati**

Tentu kamu pernah mendengar perihal cinta yang terlahir dari pandangan mata. Cinta yang wujud akibat dari pertembungan mata dua orang yang berlainan jantina. Tentu sahaja banyak kisah yang kamu dengar.

Dari pandangan matalah yang akan membuatkan jantung kamu berdegup lebih kencang. Dek kerana mata juga membuatkan kamu tidak keruan. Ada juga yang menjadi kelu lidah apabila bertentangan mata dengan si dia.

Bagaimana kamu mahu menjadikan peranan mata ini sebagai daya penarik si dia yang kamu idamkan? Adakah perlu kamu mengenyitkan mata di hadapannya? Sudah tentu tidak. Kamu tidak perlu lakukan begitu untuk mendapatkan cinta yang kamu impikan selama ini.

Wahai gadis, peranan mata sangat besar buat manusia. Dengan matalah kita mampu melihat, membaca, bekerja dan mengenali antara satu sama lain. Sumbangan mata kepada kehidupan kita tidak terhitung.

Dengan mata juga kamu mampu menghasilkan tautan hati dengan insan yang kamu dambakan.

Walaupun dalam masyarakat kita masih mengekalkan budaya dan jati diri Melayu yang kuat, namun tidak salah juga kamu cuba lakukan sesuatu yang lain. Asal saja kamu tidak melebihi-lebih dalam hal ini.

Ketika berbual atau berhadapan dengannya, cubalah tidak bertentang mata dengannya dahulu. Larikan pandangan matamu ke arah lain. Ini adalah untuk memperlihatkan yang kamu 'bernilai' tinggi dan sukar dimiliki. Lelaki sukakan perempuan yang sukar dipikat. Bagi mereka, kesukaran itu adalah cabaran. Mereka akan lebih teruja mahu mendapatkan kamu.

Kemudian pada waktu lain, kamu boleh juga hiasi sekeliling matamu dengan celak atau solekan yang cantik dan bersesuaian. Kecantikan kamu akan lebih terserlah dengan hiasan ini.

Cubalah, kamu akan dapat melihat hasilnya nanti.

#### **Langkah 4 : Yakin Dengan Diri**

Sebagai seorang manusia dan pastinya seorang gadis, sudah tentu bermacam-macam perkara yang bermain dalam minda kita. Kita sering berfikir mengenai diri sendiri dan ia sebenarnya membalikkan keyakinan kita.

Sebagai contoh, kita sering berfikir, 'macamana pakaian aku harini, tudung aku sesuai tak dengan baju yang aku pakai? Warna kasutku lebih menonjol atau tidak? Adakah aku perlu menambahkan lagi warna lipstick?' dan bermacam-macam lagi.

Ia tidak membantu dirimu, wahai gadis. Ia hanya membuatkan kamu hilang keyakinan diri. Walhal kamu adalah seorang insan yang kuat dan tabah. Dengan adanya apa yang kamu fikirkan, membuatkan kamu sukar menghadapi hari-hari yang berlalu. Semuanya seperti ada yang tidak kena padamu.

Dalam memikat lelaki yang kamu impikan, seharusnya kamu lebih berkeyakinan. Tonjolkan dirimu yang boleh dibangga-banggakan. Perlihatkan yang kamu adalah seorang gadis yang boleh berdikari dan berdiri atas kaki sendiri.

Usah tonjolkan kelemahan kamu. Lelaki sukakan gadis yang berkeyakinan. Mereka mahukan seseorang yang pastinya akan membanggakan mereka kelak. Kelemahan hanya akan membuatkanmu seperti tidak mampu melakukan sesuatu tanpa pertolongan orang lain (walau pada hakikatnya kamu tidak dapat melakukan semuanya sendiri).

Biarpun rupa paras kamu menawan, usah biarkan ia dipengaruhi kelemahan sebagai seorang gadis. Gadis bukanlah kaum yang lemah, walaupun ramai yang mengatakan gadis ini adalah insan lemah. Di mana buktinya yang mengatakan gadis adalah insan lemah?

Pada zaman penjajahan Tanah Melayu dahulu, kaum wanita sama-sama bangkit menentang penjajah. Pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW, kaum wanita juga turut terlibat dalam peperangan. Apakah itu belum cukup membuktikan yang wanita juga mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri?

Untuk menarik perhatian jejaka idaman kamu, perlihatkan sisi kamu yang terkuat. Usah menangis di hadapan si dia, kerana itu adalah senjata terakhirmu. Gadisku, kamu adalah insan hebat yang pastinya dapat menarik perhatian si dia.

#### **Langkah 5 : Jual Mahal Sekejap**

Sudah pasti kamu mahukan masa untuk berbual dengan si dia. Sudah tentu. Masakan tidak bagi kamu berbual dengan dia, jika dia sudah membuatkan kamu jatuh hati padanya. Kerana si dia adalah orang yang

kamu mahu pikat. Dia sudah menarik perhatianmu. Tetapi, kamu bukanlah tiada harga diri mahu menyerah padanya. Kamu adalah gadis yang perlu dihormati dan disayangi.

Jadi, apakah yang perlu kamu lakukan?

Jika si dia sudah memahami isyarat daripada hati kamu, sudah pasti si dia juga mahu berbicara denganmu. Pada masa ini sudah tentu hati kamu juga berbunga-bunga mahu berbicara dengannya. Tetapi awas! Ini bukanlah masanya yang sesuai kamu tunjukkan yang kamu sanggup lakukan apa sahaja demi mendapatkannya.

Kamu harus menyombongkan diri buat seketika. Jika dia melihatmu, larikan pandangan buat seketika. Jangan lama, hanya sekitar 30-45 saat. Kemudian kamu pandang padanya kembali. Sekadar memberi isyarat untuk dia mulakan bicara denganmu.

Perhatikan juga apakah bicara yang dia tuturkan. Adakah si dia memujimu atau bertanya sesuatu yang tiada kaitan denganmu pada saat itu? Contohnya, dia bertanya tentang waktu atau dia bertanya tentang arah ke suatu tempat.

Pada masa ini kamu boleh untuk menjawab ataupun tidak. Ia bergantung padamu. Kerana lelaki pastinya merancang apakah ayat untuk memulakan perbualan yang sesuai agar dia tidak kelihatan kekok.

Jika kata-katanya kelihatan bijak dan tidak membodohkan diri sendiri, ia adalah isyarat bagus untuk kamu meneruskan perbualan dengannya. Sudah pasti perbualan itu nanti bukanlah satu bual bicara yang bosan dan tidak berfaedah.

Isi perbualan kamu dengannya boleh berkisarkan pelbagai perkara. Mungkin si dia memulakan berbicara mengenai perihal kawasan sekeliling di mana kamu dan si dia sedang berada atau juga dia berbicara mengenai rancangan TV atau filem yang baru sahaja ditontonnya.

Jangan pantas menunjukkan kebosanan kamu dan jangan juga terus menunjukkan keterujaan kepadanya. Kawal diri dan berikan ekspresi wajah yang manis. Jika kamu menunjukkan wajah bosan padanya, ini mungkin perbualan pertama dan terakhir kamu dengannya.

Sebelum berpisah, jika dia meminta nombor telefonmu, pastikan yang kamu benar-benar bersedia memberikannya. Jika tidak, kamu boleh berikan pada pertemuan yang lain. Sudah tentu kamu masih akan menemuinya, kerana itu yang kamu mahukan.

## **Langkah 6 : Kawal Diri**

Menjadi seorang gadis yang bakal disunting sebagai isteri kepada seorang lelaki adalah impian setiap insan. Tiada yang tidak mahu berkahwin, mempunyai anak dan sebuah keluarga yang bahagia. Semua inginkan.



Walaupun kamu benar-benar mahukan jejaka tersebut menjadi pasangan anda, usah tunjukkan padanya. Biarkan diri kamu menjadi gadis yang penuh tanda-tanya. Lelaki sukakan ini. Semakin sukar si dia memahami dan mengenali kamu, semakin kuat perasaan ingin tahunya.

Lelaki akan lebih menghargai barang yang sukar diperolehi. Secara jujur, seseorang yang mudah mendapat sesuatu, kurang menghargainya. Berlainan dengan orang yang sukar memperolehinya.

Mahukah kamu menjadi gadis yang sangat dihargai oleh lelaki? Mahukah kamu menjadi seorang gadis yang sangat disayangi oleh lelaki yang akan menjadi pasangan kamu nanti? Sudah tentu kamu mahu, bukan?

Justeru, kawallah diri kamu di hadapannya. Usah tonjolkan yang kamu sangat terdesak untuk mendapatkannya. Selagi kamu berjaya mengawal diri, selagi itulah kamu akan menjadi gadis yang sangat dihargai oleh lelaki yang berjaya memilikimu nanti.

Secara fitrahnya, lelaki terkenal dengan sikap mereka yang lambat memahami isyarat daripada seorang gadis. Mereka kurang menumpukan pada apa yang kamu 'tunjukkan'. Sudah menjadi kebiasaannya begitu. Usah kamu khuatir yang dia tidak memahami isyarat kamu. Sebaliknya, kamu teruskan sahaja apa yang kamu lakukan untuk memikat si dia.

Sentiasalah terbuka dalam menghadapinya. Bukan mudah mahu menambat hati seseorang. Apatah lagi dalam situasi ini seorang gadis yang mahu memikat si lelaki. Pasti akan memakan sedikit masa yang panjang.

### **Langkah 7 : Berikan Air Tangan Kamu**

Seorang wanita sinonim dengan kemahiran memasak.

Menggunakan apa sahaja kemahiran memasak yang kamu miliki pastinya akan membuatkan si dia jatuh hati pada kamu. Si dia akan terpicat pada kesedapan masakan kamu.

Lelaki mencari pasangan yang mahir memasak. Kerana bagi mereka, memakan masakan seorang isteri lebih baik berbanding makan di luar. Selain menjimatkan, ia akan mengukuhkan perhubungan sebagai suami dan isteri.

Isteri yang bijak memasak akan mudah mendapatkan kasih sayang daripada suaminya. Sudah tentu kamu sendiri mahu berikan pasangan kamu hidangan yang istimewa. Dengan menghidangkannya masakan kamu, pasti si dia akan bertambah gembira.

Usah risau jika masakan kamu kurang sedap. Kamu boleh dapatkan nasihat daripada ibu, kakak, rakan atau sesiapa sahaja yang mahir dalam bidang masak-memasak. Pelajarilah satu menu yang kamu dapat kuasainya dengan mudah.



Tetapi, bagaimana pula kamu mahu menghidangkan masakan tersebut kepadanya?

Usah risau, kamu boleh membawanya sebagai bekalan dan mengajak si dia makan bersama-sama kamu dan rakan. Dengan cara ini, kamu tidak akan kekok untuk menghidangkan masakan tersebut kepadanya.

Boleh sahaja kamu rancangkan dengan teman baikmu untuk mengajaknya makan bersama-sama.

Tetapi, jangan pula kamu mengajak ramai teman untuk makan bersama-sama. Memadai seorang yang kamu boleh percayai. Begitu juga dengan si dia. Jika boleh, kamu jemputlah si dia bersama rakannya sekali.

Sedap atau tidak, itu adalah perkara kedua yang perlu kamu fikirkan. Keutamaan yang perlu kamu fikirkan pada masa ini adalah untuk memastikan si dia menerima isyarat cinta kamu.

### **Langkah 8 : Tidak Menunjukkan Sikap Mengongkong**

Jika kamu berbual dengan si dia, tunjukkan yang kamu menyenangi dirinya. Apa yang dia ceritakan, tunjukkan yang kamu menyokongnya.

Kunci yang membolehkan kamu sentiasa dianggap sebagai seorang yang berhati murni adalah dengan menunjukkan sikap menyokong, bukan pula sikap mengongkong.

Memang benar, kamu mahukan si dia sebagai pasangan kamu. Tetapi sebagai seorang gadis yang sentiasa mempunyai kelembutan, kawallah dirimu supaya sentiasa disenangi oleh si dia.

Ketika kamu berada bersamanya, walaupun ketika itu kamu berteman, usah sedikit pun menunjukkan yang dia adalah milik kamu seorang. Bukanlah hak kita untuk mengatakan seorang manusia itu milik kita. Kita hanya mampu merasai dan memberi kebahagiaan sebagaimana yang sudah ditentukan.

Lelaki yang berasa dirinya dikongkong tidak akan bertahan lama dengan gadis tersebut. Sifat lelaki adakah melakukan apa yang dimahukannya dan sebagai seorang wanita pula, adalah untuk menyokong apa yang mereka lakukan.

Dunia sudah membuktikan, disebalik seorang lelaki yang berjaya ada seorang wanita. Wanita itu pula adalah wanita yang sentiasa menyokong dan memberi semangat kepadanya supaya lebih maju dalam apa yang dilakukannya.

Cuba kamu bayangkan, seorang suami yang terkongkong, tidak dibenarkan pulang lewat, tidak diizinkan keluar bersukan dengan rakan-rakannya, malah dia juga perlu habiskan masa yang ada hanya bersama-sama keluarga, apakah yang akan terjadi kepada si suami itu?

Mungkin ada yang mengatakan bahawa suami tadi sangat patuh pada isterinya. Mungkin juga ada yang mengatakan suami tadi dayus atau sebagainya.

Kesan yang akan terjadi adalah, suami tadi akan mengalami tekanan perasaan. Hilang keseronokan hidup dan lebih teruk lagi, dia akan mula menceritakan kepada orang lain apa yang berlaku padanya. Walaupun kamu berasa bahagia kerana si dia sentiasa bersamamu, mungkin tidak bagi pasanganmu.

Sekiranya kamu tidak tahu bagaimana mahu melakukannya, cubalah untuk tidak mengawal apa yang boleh dan apa yang tidak boleh si dia lakukan.

### **Langkah 9 : Maniskan Bahasamu**

Gadisku yang terkenal dengan lemah-lembut, pastinya kamu tidak mahu jika ada yang mengatakan kamu adalah orang yang kasar dan tidak sopan. Tentu kamu suka jika ada yang memujimu kerana kelembutan tutur bicara dan kesopananmu.

Menjaga tutur percakapanmu bukan sahaja akan membuatkan si dia semakin tertarik denganmu, malah ia juga boleh menyerlahkan keanggunan kamu sebagai seorang gadis yang sepatutnya.

Sudah dikenali sejak dahulu lagi, bangsa kita adalah bangsa yang terkenal dengan kelembutan, kesopanan dan penuh adab.

Walaupun lelaki kelihatan sasa dan ganas, itu hanya luaran. Secara umum sahaja. Jika kamu melihat lelaki dari sudut berbeza, kamu akan dapat melihat sisi feminin si lelaki.

Mereka tidak suka dengan gadis yang bercakap kasar dan mencarut. Walaupun kamu berusaha bergaul dengannya dan mengikuti gayanya, ketahuilah apa yang sebenarnya. Jika kamu cuba bersikap seperti si dia, kamu bukan lagi menjadi pilihannya untuk dijadikan teman. Kamu hanya akan dianggap seperti rakan-rakannya yang lain. Bukankah ia merupakan satu kerugian yang amat sangat?

Jadi, untuk mendapatkan perhatian si dia, kamu perlu melembutkan bahasa kamu. Bertutur dengan sopan dan jangan sesekali mengeluarkan perkataan kasar, sekurang-kurangnya di hadapan si dia.

Mungkin kamu sudah terbiasa memarahi adik-adik kamu di rumah. Dek kerana kebiasaan itu, kamu terbawa-bawa sehingga secara tidak sengaja mengeluarkan perkataan-perkataan kasar di hadapannya.

Saranan untuk kamu yang terbiasa dengan ayat kasar, cubalah mengawal emosi kamu setiap kali berbicara. Yang penting kamu sentiasa dalam keadaan tenang dan terkawal.

Jika secara tiba-tiba kamu berasa marah, mungkin kerana emosi 'dalaman' kamu tidak stabil, cepat-cepat pergi ke tempat lain atau cari

sesuatu yang dapat bantu kamu meredakan emosi.

Gadisku, kamu adalah insan hebat yang penuh dengan kelembutan dan keayuan. Kekasaran pertuturan kamu mampu menghilangkan terus kelembutan yang ada pada dirimu.

### **Langkah 10 : Jujur**

Dalam perhubungan, kejujuran adalah hal yang penting. Bagaimana si dia mahu menjadi pasanganmu sekiranya pada peringkat perkenalan ini sudah tiada kejujuran daripadamu?

Kamu perlulah berlaku jujur sebaik mungkin. Kejujuran mampu memikat hati sesiapa sahaja. Si dia yang kamu impikan pastinya akan terpicat dengan kejujuran yang kamu tunjukkan.

Si dia pasti menyukai kamu kerana kejujuran kamu terserlah pada wajah.

Namun, berhati-hatilah dalam menunjukkan kejujuran kamu padanya. Dikhawatiri si dia mengambil kesempatan atas dirimu.

Kamu harus memastikan yang kejujuran kamu bersesuaian dan tidak akan merosakkan hubungan kamu dengan orang lain. Pastikan juga kejujuran kamu itu adalah untuk kebaikan.

Walaupun kejujuran adalah sesuatu yang positif, malah ia juga mampu bertindak seperti magnet yang menarik orang mendekati kamu, namun ia juga sebenarnya boleh menjauhkan orang lain dari kamu. Pastikan apa yang kamu cakapkan atau tunjukkan adalah lahir daripada fikiran kamu, bukannya berdasarkan hati semata-mata.

Lelaki juga seperti wanita, mereka mementingkan kejujuran dalam perhubungan. Jika kamu berjaya membuktikan yang kamu adalah orang yang jujur, bermakna kamu sudah melangkah sedikit hampir dengannya.

Hebatnya kamu, gadis. Kerana kamu adalah kaum yang dapat menyembunyikan bermacam-macam watak dalam satu wajah. Gunakan ia untuk menyembunyikan 'kejujuran' yang dipamerkan hanya bertujuan mahu memikat hati si dia. Ketahuilah, lelaki adalah kaum yang sukar melihat makna di sebalik wajah seorang wanita.

### **Langkah 11 : Seni Berbual Yang Betul**

Adakah kamu berasa kekok ketika hendak berbual-bual dengan si dia? Adakah kamu pernah terfikir, *'apa yang patut aku bualkan dengannya?'*

Perbualan di antara lelaki dan gadis mempunyai seninya yang tersendiri. Berbeza dengan seni berbual di antara lelaki sesama lelaki atau wanita sesama wanita.

Tentu kamu lebih faham topik yang sering menjadi perbualan kamu dan rakan-rakan. Kamu dan rakan wanita yang lain boleh berbual akan satu topik yang sama dalam satu perbualan yang panjang. Namun, lelaki pula

berbual topik yang pelbagai dalam satu perbualan, walaupun ia adalah satu perbualan yang pendek.

Kamu harus tahu bagaimana mahu berbual dengan si dia yang kamu sukai. Usah menunjukkan yang kamu kehilangan kata-kata ketika hendak berbual dengannya. Usah juga menunjukkan yang kamu hanya menanti si dia berbicara.

Jika si dia tidak mulakan, adalah lebih baik kamu yang memulakannya.

Ketika kamu hendak mulakan bicara, gunakan topik ringkas yang mudah dibawa berbual. Seperti cuaca pada ketika itu, jenis fesyen yang kamu kenakan atau sesuatu yang berkaitan dirinya pada waktu itu.

Jika kamu tidak dapat mencari ayat yang sesuai, memadai dengan memulakannya begini, "*panas sungguh cuaca hari ni*". Berhenti sejenak sambil memandang ke arahnya. Ini merupakan isyarat supaya si dia memberi respons pada ayat kamu tadi.

Jika si dia tidak menjawab, kamu boleh bertanya padanya, "*awak tak rasa panas ke?*". Apabila adanya soalan, pasti akan ada jawapan.

Ketika dia menjawab, dengan betul-betul pada kata-katanya. Ini adalah penting, supaya kamu dapat mencari ayat yang menyatakan kegemaran si dia.

Jika si dia menjawab, "*terlalu panas sehingga saya rasa mahu menonton wayang*". Jadi, di sini kamu sudah tahu, si dia gemar menonton wayang. Kamu boleh menyambung perbualan dengannya berkaitam filem-filem terkini atau filem yang menjadi kegemarannya.

Jika si dia berkata, "*sangat panas, saya tak dapat bermain bola sepak petang ini.*" Jadi, kata kuncinya adalah bola sepak.

Bagaimana jika si dia tidak menjawab seperti yang kamu harapkan. Mungkin si dia hanya menjawab, "*iyalah, panas sungguh hari ni*". Jangan khuatir, kamu masih ada masa untuk melanjutkan perbualan sehingga kamu ketahui apa yang si dia minat untuk dibualkan.

Perbualan yang bagus dan mempunyai respons dua hala adalah perbualan yang akan membangkitkan rasa suka di antara kedua-dua pihak.

Jika perbualan itu hanya diisi dengan bunyi angin yang bertiup dan kamu atau si dia banyak menghabiskan masa melihat ke arah lain, ia mungkin sekali tidak akan menyumbang ke arah pembinaan hubungan kamu dan si dia.

Teruskan berbual, jangan berhenti. Tetapi, awas! Jangan terlebih bercakap sehingga si dia berfikir kamu adalah jenis yang banyak cakap.

## **Langkah 12 : Tunjukkan Sikap Tenang**

Gadisku, walaupun kamu mahukan si dia menjadi pasangan hidupmu, sebagai seorang wanita, kamu tidak dapat menonjolkan perasaan kamu kepadanya seperti mana kaum lelaki menunjukkan perasaan mereka kepada wanita.

Kamu perlu menyembunyikan perasaan begitu daripadanya. Ia adalah demi kebaikan kamu supaya tidak dikatakan sebagai perempuan murahan.

Kamu perlu bersikap tenang di hadapannya. Tunjukkan yang kamu mampu hidup walaupun tiada berteman. Pengawalan nafsu sangat penting ketika ini. Kamu tidak mahu si dia melepas pergi begitu sahaja.

Rugilah jika si dia pergi begitu sahaja, sedangkan kamu sudah lama memendam perasaan padanya.

Dalam hal ini, kamu juga tidak boleh terlalu menunjukkan 'keayuan' kamu padanya. Takut ia akan menjadikan kamu *riya'* pula. Walhal bukan itu yang kamu mahukan. Kamu hanya mahu si dia melihat dan memuji kamu. Tetapi ia mungkin akan melahirkan perasaan lain dalam hatimu nanti.

Bersikap seperti biasa dan jangan terlalu terburu-buru dalam memikat hati si dia.

Kamu insan hebat yang pastinya tahu apa yang perlu kamu lakukan saat berhadapan dengannya agar tidak terlalu menonjolkan perasaan kamu padanya.

### **Langkah 13 : Manja, Bukanlah Gedik**

Sudah terkenal seantero alam akan sikap kaum Hawa yang seperti keanak-anakan. Sudah dikenali yang kaum Hawa suka bermanja. Walaupun kamu menafikan akan hal ini, ketahuilah, ia adalah realiti.

Ada kaum lelaki yang menyukai sikap manja ini. Mereka akan mudah 'cair' dengan kemanjaan yang ditunjukkan oleh kaum Hawa. Sudah pasti ia akan membuatkan si dia benar-benar jatuh cinta padamu tanpa kamu perlu berusaha bersusah-payah.

Gadisku, kemanjaan adalah sifat yang sudah tertanam dalam diri setiap wanita. Ia juga boleh dikatakan sebagai sifat istimewa seorang wanita. Tanpa kamu perlu berusaha untuk mewujudkan sifat kemanjaan ini, ia akan lahir dengan sendirinya.

Bersikap manja di hadapannya bukanlah bermakna kamu menunjukkan sikap gedik. Gedik adalah sikap yang tidak disukai oleh kebanyakan kaum lelaki, malah kaum wanita juga tidak menyukai sikap gedik ini.

Menjadi gadis yang manja juga bukanlah bermakna kamu perlu menangis sehingga menghentakkan kaki-kaki kamu. Kadang-kadang, hanya dengan kata-kata sudah dapat menonjolkan sikap kemanjaan dari dalam diri kamu.



Mengeluarkan perkataan 'alaaa...' juga sudah dapat menunjukkan sikap manja diri kamu. Kemudian ditambah pula dengan mengerutkan muka / dahi kamu, si dia pasti lebih 'cair' saat memandang dirimu.

Namun, berhati-hatilah ketika kamu menunjukkan sikap manja padanya. Dikhawatiri ia akan disalah tafsir sebagai umpan mahu menggunakan si dia. Kamu harus menggunakannya di tempat dan masa yang sesuai agar apa yang kamu harapkan berhasil dengan sempurna.

Menjadi gadis dambaan lelaki adalah sesuatu yang sukar dicapai. Namun, amat mudah mahu memikat hati seorang lelaki. Kerana kaum wanita sudah terkenal dengan gelaran 'penggoda'. Ia berlaku secara automatik tanpa kamu perlu memaksa diri menjadi seorang penggoda. Sebagaimana kamu melihat lelaki kacak yang melintas dan serta-merta membuatkan jantung berdegup kencang, begitu jugalah perihalnya kamu pada kaum lelaki. Ia adalah fitrah. Tinggal lagi kamu perlu menggunakannya dengan sebaik mungkin.

#### **Langkah 14 : Sokong Minat Si Dia**

Sudah menjadi kelaziman, lelaki mempunyai hobi atau minat yang sukar dimengerti oleh kaum wanita. Ada yang meminati sukan bermotor, seperti perlumbaan kereta, perlumbaan motosikal dan seumpamanya. Tidak kurang juga lelaki yang meminati mainan kawalan jauh.

Bagi kamu, wahai gadis, yang mungkin tidak pernah mempunyai hobi atau minat sebegini, usah terkejut dan usah pula menjauhkan diri daripadanya.

Sekiranya jejaka idaman kamu memiliki hobi sebegini, kamu juga turutlah tunjukkan minat pada apa yang dilakukannya. Mustahil untuk si dia meminati novel seperti mana kelaziman wanita yang lain. Kecuali jika si dia memang gemar membaca novel.

Dengan menyokong hobinya, akan membuatkan si dia lebih menyukai kamu, wahai gadis. Si dia akan berasa selesa tatkala bersama kamu melakukan aktiviti yang diminatinya.

Cuba kamu bayangkan, kamu menemaninya memancing. Pasti manis, bukan? Cuma pastikan yang kamu tidak berdua-duaan dengan si dia. Bimbang ada perkara yang tidak diingini berlaku kelak.

Mungkin suatu hari nanti, tanpa kamu sedari, kamu juga akan sama-sama menyukai hobi yang dilakukannya. Daripada tidak menggemari hobi yang sedang dilakukan si dia, kamu pula turut menggemari hobi tersebut. Semuanya tidak mustahil. Apabila rasa kasih dan sayang sudah mendalam, segala-galanya boleh berlaku.

#### **Langkah 15 : Jadilah Orang Yang Boleh Dipercayai**

Sebenarnya, lelaki suka berkongsi masalah dan rahsianya kepada wanita. Jika si dia menceritakan segala rahsia dan masalahnya pada



kamu, bermakna si dia mempercayai kamu.

Bukan mudah seseorang lelaki berkongsi segala-galanya dengan orang lain. Ego yang tinggi membuatkan mereka tidak berkongsi masalah dan rahsia dengan sesiapa sahaja. Kecuali dengan orang yang sangat mereka percayai.

Jika si dia mula bercerita segala masalahnya padamu, jadilah seseorang yang boleh dipercayai. Janganlah kamu menceritakan apa yang sudah diceritakan padamu kepada orang lain.

Kerana, sekali kamu tidak dipercayai olehnya, nescaya kamu tidak akan dipercayai lagi sampai bila-bila. Untuk mendapatkan kepercayaan adalah perkara yang sukar, untuk menjadi orang tidak dipercayai tidak sesukar mana. Mudah sahaja ia berlaku. Dalam sekelip mata sahaja kamu akan kehilangan jejak yang kamu sukai itu.

Jadilah pendengar yang bagus. Kongsi pendapatmu dengannya sebaik-baik mungkin. Mereka pasti akan lebih gembira kerana kamu mendengar apa yang mahu diceritakan dan kamu tidak pula membocorkannya kepada orang lain.

Taut hatinya melalui kepercayaan yang sudah diberikan padamu. Berikan apa yang dia inginkan, kepercayaan dan ketulusan kamu menyimpan rahsia tersebut.

Gadisku, menyimpan rahsia dan masalah orang lain sangat digalakkan. Membuka aib orang lain hanya akan mengundang perkara yang tidak baik padamu. Kamu adalah seorang insan baik yang pastinya akan cuba melakukan apa yang termampu untuk mendapatkan cintanya.

### **Langkah 16 : Tonjolkan Kebijaksanaan Kamu**

Lelaki sukakan wanita yang bijak. Mereka mudah terpaut dengan kebijaksanaan yang ada pada seseorang wanita.

Walau ada yang mengatakan keseksian seorang wanita terletak pada cara dia berpenampilan, namun, kebijaksanaan ini lebih 'seksi' berbanding penampilan kamu. Ia akan menampakkan kamu sangat 'menggoda'.

Buatkan si dia terpaut pada apa yang kamu mampu lakukan. Melalui masakan, cara kamu memandu, cara kamu bercakap dan apa sahaja yang menonjolkan kamu adalah orang yang bijak. Tetapi, bukan pula menjadi orang yang membangkang kata-katanya dan menampakkan si dia seperti orang bodoh.

Menjadi bijak juga bukanlah bermakna kamu harus berbicara mengenai politik, isu semasa atau apa-apa yang kamu fikir sesuai. Mungkin ada lelaki yang sukakan begitu. Tetapi, ramai juga yang tidak suka berbual mengenai hal sebegitu apabila bersama dengan lawan jenisnya.

Gadisku, untuk menonjolkan kebijaksanaan kamu, bukan hanya menunjukkan ia semata-mata. Kamu juga harus berfikir bagaimana mahu mengeksploitasinya agar si dia yang menjadi idaman kamu akan berasa kagum denganmu.

Berikan apa yang perlu dalam memikat si dia. Berusaha agar si dia juga akan terpaut dengan apa yang kamu tonjolkan.

### **Langkah 17 : Berikan Isyarat Padanya**

Mungkin kamu akan berasa kekok atau malu untuk melakukannya. Apatah lagi jika kamu akan digelar sebagai perigi mencari timba.

Gadisku, istilah yang kamu pernah dengar itu sudah tidak relevan lagi pada masa kini. Dengan jumlah kaum wanita yang melebihi lelaki, ia sudah tidak wajar diperkatakan. Kini, wanita juga boleh mencari pasangan hidupnya. Malah, wanita juga boleh memulakan langkah memberikan tanda keinginan mereka pada lelaki.

Apa yang kamu boleh lakukan adalah memberikan satu isyarat yang membawa maksud, *'aku mahukan kamu menjadi temanku.'* Mungkin lelaki akan lambat memahami isyarat yang kamu tunjukkan. Mungkin sekali si dia tidak akan memberi respon pada isyaratmu.

Jangan kamu resah dan gelisah. Jika sekali cubaanmu tidak berjaya, cuba lagi beberapa kali.

Berikan kad ucapan padanya. Seperti kad ucapan perayaan, kad ulang tahun kelahirannya atau ucapan tahniah atas kejayaan yang dikecapinya. Kamu perlu lebih menonjol berbanding rakan-rakannya yang lain. Siapa tahu, dek kerana terlalu ramai rakan wanita yang si dia miliki, kamu lebih menonjol dan berupaya mencipta 'kelainan' sehingga si dia mula memberi perhatian padamu.

Kamu boleh juga menghantar seorang 'utusan' untuk menyatakan hasrat hatimu kepadanya. Namun, kamu perlu pastikan 'utusan' yang kamu hantar itu adalah seorang yang boleh dipercayai. Kamu boleh mendapatkan bantuan daripada rakan atau sesiapa sahaja yang rapat denganmu. Mintalah mereka memberitahu si dia kamu mahu menjadi teman istimewanya.

Tetapi, dalam hal menggunakan orang lain untuk menyatakan hasratmu, ia mungkin boleh jadi sesuatu yang tidak baik. Kamu mungkin akan dianggap sebagai perempuan murahan yang boleh diperlakukan apa-apa sahaja. Berhati-hatilah dalam mengambil tindakan, wahai gadisku.

### **Langkah 18 : Bahasa Tubuh**

Mungkin langkah ini memerlukan kamu membuat sedikit kajian ilmiah dengan mana-mana buku atau dapatkan di Internet.

Bahasa tubuh sebenarnya sangat mempengaruhi apa yang kamu coba sampaikan. Seandainya kamu marah, lihat bagaimana tubuh kamu bereaksi. Itu adalah pelajaran pertama yang boleh kamu praktikkan.

Lihat pada apa yang sedang kamu lakukan atau perkatakan, gunakan bahasa tubuh yang sesuai untuk menyampaikan maksudnya. Jika suka, kamu perlu tunjukkan yang kamu sangat menyukainya. Kadang-kadang, kata-kata tidak dapat memberi gambaran yang sebenar kamu menyukai sesuatu. Gaya tubuh kamu yang akan memberikan isyaratnya.

Gunakan gaya seperti menyelak rambut kamu ke belakang bagi menggambarkan kemanjaan kamu.

Bahasa tubuh yang digambarkan melalui tangan dan mata sangat memainkan peranan dalam menyampaikan maksud keinginan kamu padanya. Ia mudah sahaja digunakan dan sangat mujarab.

### **Langkah 19 : Berterus Terang**

Lelaki sukakan wanita yang berterus-terang dengannya. Mereka tidak suka ditipu dan dipermainkan. Terutamanya oleh kamu, wahai gadis.

Berlaku jujur lah dengan si dia, tunjukkan kamu adalah gadis yang boleh dipercayai dalam berkata-kata.

Sifat berterus-terang kamu akan membuatkan kamu kelihatan lebih jujur mahu menjadi teman si dia. Ini akan menambahkan kasih sayangnya pada kamu.

### **Langkah 20 : Humor Dan Mudah Didekati**

Gadisku, sifat yang membuatkan ramai insan di dunia ini bahagia adalah humor, atau boleh juga dikategorikan sebagai menyenangkan. Humor, jika kamu menafsirkannya adalah seperti 'orang yang mampu membuatkan orang lain ketawa'. Tetapi, disini sifat humor ini lebih mudah diklasifikasikan sebagai 'menyenangkan'.

Tidakkah kamu akan berasa senang apabila ada sahabatmu yang membuatkan kamu ketawa? Atau jika dia mampu membuatkan kamu tersenyum? Bukankah itu sifat yang menyenangkan ramai orang?

Bersifat humor mampu menarik si dia lebih mendekati kamu. Si dia pastinya suka berbual dengan kamu yang berjaya membuatnya senyum, ketawa dan berasa senang ketika bersamamu. Sudah pastinya kamu akan lebih disukai.

Menjadi seseorang yang mempunyai sifat humor ini bukanlah bermaksud kamu perlu sentiasa berkata sesuatu yang berunsur lawak jenaka. Sebenarnya, cukup dengan membuatkan orang lain senyum dengan apa yang kita perkatakan. Tetapi, jika kamu mampu membuatkan orang lain ketawa, usah berhenti bersifat humor. Terus sahaja, kerana ia pastinya tidak akan membuatkan orang lain terluka.

Kamu juga akan lebih mudah didekati. Jadilah seperti bayi kecil yang disukai oleh ramai orang. Bayi tidak melakukan banyak perkara pun untuk mendapatkan perhatian daripada orang lain. Mereka cukup sekadar senyum dan membuatkan orang lain juga senyum serta ketawa bersama mereka.

Menjadi orang yang perengus dan suka komplimen hanya akan membuatkan orang di sekeliling kamu menjauhkan diri. Sifat ini dianggap negatif dan tidak boleh menjadi daya penarik.

Sekiranya kami tidak tahu bagaimana menjadi seseorang yang ada sifat humor, cubalah kamu berlatih untuk menyenangkan orang lain dengan diri kamu.

### **Langkah 21 : Tidak Bercakap Sesuatu Yang Tidak Berfaedah**

Ramai yang terlupa akan perkara ini, wahai gadisku. Bagi sesetengah orang, apabila berbual sesama mereka, pelbagai hal yang boleh dibincangkan sehingga mereka lupa, apa yang sedang mereka perkatakan itu sesuatu yang tidak berfaedah dan membuang masa.

Bercerita adalah hal yang menggembirakan bagi sesetengah wanita. Mereka suka bercerita mengenai hal adik-beradik yang lain. Ada juga yang suka bercerita tentang pakaian atau kasut yang baru dibelinya.

Gadisku, hal sebegini tidak sesuai kamu perkatakan ketika si dia ada denganmu. Walaupun pada mulanya si dia tertarik dengan hal yang kamu ceritakan, lama-lama si dia akan menjadi bosan mendengarnya.

Kamu perlu kurangkan bercerita hal yang tiada kaitan dengan kamu berdua. Sekiranya si dia suka berbual denganmu tentang hal pelajaran atau hal di tempat kerja, cukup sekadar kamu kongsi dengannya apa yang mahu didengar.

Bukan pula menjadi satu kesalahan jika kamu bercerita hal-hal lain kepadanya, adakalanya ia juga membantu merapatkan hubungan kamu berdua. Tetapi, pada kebanyakan waktu, ia boleh menjadi sesuatu yang tidak baik. Terutama akan membuatkan si dia cepat bosan denganmu.

Seperti yang kamu ketahui, wahai gadis. Wanita sering dilabel sebagai orang yang banyak bercakap. Mahukah kamu juga dilabel sedemikian? Sudah tentu tidak. Tiada siapa yang mahukannya.

### **Langkah 22 : Jangan Membandingkan Si Dia**

Adakalanya, kamu akan terlepas cakap satu perkara ini. Mungkin kamu sudah pernah berpacaran sebelum menemuinya, jadi kamu sering bercerita mengenai teman kamu yang sebelumnya.

Hal ini tidak disukai oleh ramai orang. Bukan sahaja bagi lelaki, malah wanita juga tidak menyukainya.

Kamu juga sudah pasti akan membenci orang yang membandingkan kamu dengan orang lain. Bagi kamu, dirimu dan orang yang dibanding itu berbeza. Begitulah jua yang dirasakan oleh si dia jika kamu membandingkannya dengan orang lain.

Ingatlah, ada sesetengah lelaki yang tidak suka dibandingkan dengan orang lain walaupun yang dibanding itu adalah abang atau adiknya sendiri.

Sudah menjadi sifat manusia, tidak suka menjadi seperti orang lain. Kita sendiri mahu menjadi apa diri kita sekarang ini. Baik atau buruk, inilah diri yang kita mahukan. Walaupun kita tidak tahu memasak, pastinya kita tidak suka dibandingkan dengan kakak kita yang lebih mahir memasak.

Pasti ada perasaan yang kurang senang wujud dalam diri tatkala perbandingan itu dibuat. Diri kita bukanlah barang yang diletak di atas rak pasaraya untuk dibuat bandingan. Tidak juga menjadi wanita yang boleh dipilih seperti mahu membeli ikan di pasar. Kita istimewa, dirimu istimewa.

### **Langkah 23 : Mekap Kamu, Okay Tak?**

Sudah menjadi lumrah pada masa kini untuk mengenakan mekap pada wajah. Seperti tidak lengkap jika tiada sebarang solekan yang dioles pada wajah.

Namun, memakai mekap perlulah seadanya. Jangan keterlaluan dan jangan terlalu kurang sehingga wajah kamu kelihatan tidak ceria.

Seperti pada langkah sebelum ini, ada diterangkan juga berkenaan solekan pada wajah. Dalam langkah ini, kamu perlu tahu, mengapa tidak semua lelaki menyukai solekan yang berlebihan pada wajah si gadis.

Tentu kamu pernah dengar mengenai *natural beauty*, bukan? Ia membawa makna, wajah asli kamu sudah mempunyai kecantikan dan daya menarik yang tersendiri. Tidak memerlukan solekan yang tebal dan terang, ia sudah cukup membuatkan si dia tertarik denganmu.

Dalam penjagaan kulit wajah, kamu harus memastikan tiada jerawat, jeragat atau apa-apa sahaja yang jelas dapat dilihat dengan mata kasar. Lelaki mudah melihat pada bahagian tertentu wajah kamu yang cuba kamu sembunyikan. Seperti jerawat yang tumbuh di tepi hidung kamu.

Keraplah mencuci dengan pencuci muka yang ada di pasaran. Namun kamu harus berhati-hati memilih produk yang sesuai supaya ia tidak akan merosakkan kulit wajah kamu nanti.

Kerap mencuci dengan air bersih atau setiap kali kamu berwuduk. Pastikan juga solekan yang kamu kenakan pada wajah dicuci setiap hari. Atau jika perlu, setiap kali kamu berwuduk. Ia bagi memastikan kulit wajah kamu tidak terdedah terlalu lama dengan bahan kimia yang mungkin boleh membahayakan.



Sekali-sekala, kamu boleh mendapatkan rawatan penjagaan kulit wajah di spa. Terdapat banyak spa yang boleh kamu pilih. Hanya perlu disediakan wang yang mencukupi sahaja.

Gadisku, lelaki sukakan wanita yang menampakkan keaslian wajahnya. Walau ada antara mereka yang tidak dapat membezakan wajah asli dan yang sudah dikenakan bedak atau mekap, mereka masih mahukan wanita yang cantik wajahnya.

Cinta mereka datang dari mata, kemudian ia turun ke hati, lalu berputiklah bunga-bunga cinta yang akan mekar mengharum.

Lelaki memandang wajah si gadis yang akan menjadi pasangannya. Walaupun lidah mereka berkata, '*saya tidak kisah sangat pasal kecantikan*'. Hakikatnya, mereka masih mementingkan wajah si gadis supaya cantik dan dapat menawan hati mereka.

Inilah realitinya dunia sekarang. Kecantikan tidak dapat dipisahkan daripada perasaan cinta seorang lelaki kepada wanita. Begitu juga pada dirimu, wahai gadis. Kamu juga pastinya tergoda dengan ketampanan dan senyum manis si dia, bukan? Nafsu ini tidak dapat dinafikan. Ia ada dalam hati setiap insan.

#### **Langkah 24 : Sikap Keibuan Dan Penyayang**

Bagaimana hubunganmu dengan kanak-kanak, wahai gadis? Adakah kamu sukakan kanak-kanak atau tidak?

Bagaimana pula ketika kamu menjaga kanak-kanak? Adakah kamu sersikap ambil berat atau tidak mempedulikan langsung apa-apa yang berlaku?

Lelaki yang mahu mencari pasangan hidupnya akan mencari gadis yang penyayang terhadap kanak-kanak. Kerana mereka mahu si gadis tadi dapat menjaga anak-anak mereka dengan baik.

Mereka juga mahukan gadis yang mengambil berat dan peka dengan keadaan kanak-kanak, supaya nanti si gadis itu akan lebih tahu apa yang diperlukan oleh anak-anak.

Menunjukkan sikap keibuan ini penting sekiranya kamu serius mahu mendapatkan cinta si dia. Kemudian kamu pasti mahu mendapatkannya sebagai imam kamu.

Justeru, didiklah hati kamu supaya mempunyai sikap keibuan ini. Bukan hanya sekadar berlakon di hadapan si dia. Kamu harus menerapkan ke dalam hati dengan bersungguh-sungguh.

Tidak rugi kamu belajar menjadi seorang ibu sejak usia gadis kamu. Kelak ia akan banyak membantu dirimu mengharungi kehidupan berumah tangga.



Ia juga akan mempersiapkan kamu dari segi mental. Kerana mahu menjaga dan mendidik anak-anak bukanlah seperti kamu bermain anak patung yang tidak memberikan tekanan kepada diri kamu.

### **Langkah 25 : Jangan Bersikap Makcik-Makcik**

Adapun seorang gadis itu akan mengikuti apa yang wanita lain seperti ibu, kakak, ibu saudara dan lain-lain lagi yang berada di sekeliling hidupnya, kamu harus ketahui sikap yang bagaimana harus kamu elakkan.

Janganlah kamu menunjukkan sikap atau perangai kamu yang 'kuno' di hadapannya. Si dia mungkin akan berasa malu melihat sikap kamu yang sebegitu.

Walau kamu mungkin akan menyatakan, jadilah seperti diri sendiri, sikap seperti ini tidak boleh diamalkan dalam hidup kamu. Kamu perlu menunjukkan padanya yang kamu adalah seorang yang mengikut peredaran zaman. Tetapi jangan pula kamu melupakan adab dan tatasusila sebagai seorang gadis.

Bersikap terbuka dengan si dia boleh membuatnya berfikir yang kamu tidak kolot. Si dia akan lebih menyukaimu dengan sikap dan pemikiran kamu yang begini.

### **Langkah 26 : Tanya Khabarnya**

Sekali-sekala, kamu boleh bertanya khabarnya. Dengan cara ini, si dia akan berasa seperti seorang yang penting dalam hidupmu.

Bertanya khabar juga akan merapatkan tali silaturrahim yang sedang kamu bina dengannya.

Kamu akan kelihatan sebagai seorang gadis yang mengambil berat pada matanya. Sikap kamu yang begini membuka ruang yang sangat luas supaya dia menjadi temanmu.

Si dia akan lebih mudah disentuh hatinya apabila ada yang mengambil berat akan kesihatannya, makan minumannya dan apa-apa sahaja. Perasaan sayang akan tercetus dengan mudahnya melalui cara ini.

### **Langkah 27 : Patuh Suruhan Agama**

Tentu kamu pernah mendengar ungkapan, 'lelaki yang baik adalah untuk wanita yang baik', bukan?

Pastinya kamu akan terfikir mengenai ungkapan ini sambil terbayangkan beberapa kes yang melibatkan suami isteri seperti suami yang pemabuk dan kaki pukul.

Sebenarnya, ada hikmah yang Tuhan beri disebalik apa yang berlaku itu. Ia adalah ujian yang diberikan kepada wanita tadi.

Berbalik pada langkah ini, untuk memastikan kamu mendapat lelaki yang sesuai denganmu, maka turutlah pada suruhan agamamu. Jangan membelakangi agamamu walau sedikit pun.

Mencari bakal pasangan adalah suatu perkara yang indah. Tetapi, mengikuti suruhan dan larangan agama adalah lebih indah lagi. Ia akan mendapat balasan sebagaimana yang kamu kehendakkan.

Berdoalah dalam setiap sujudmu agar dikurniakan dengan pasangan yang baik dan dapat mendidik dirimu menjadi lebih baik dari sekarang.

HambaNya yang berdoa dan meminta pastinya akan dimakbulkan. Hanya masa yang menentukan segala-galanya. Kamu harus yakin dengan apa yang kamu hajati.

### **Langkah 28 : Makan**

Mungkin ada yang berpendapat, jika kita menyimpan minat pada seorang jejaka, tidak sesuai mengajaknya makan bersama. Tambahan lagi, si dia yang akan membayar harga makanan itu nanti.

Namun, wahai gadis, percayalah. Tempat yang baik dan suka dikunjungi oleh ramai lelaki adalah tempat makan atau restoran. Pasti mereka lebih suka duduk berbual-bual dengan kamu sambil menikmati juadah yang ada.

Jadi, sebagai persediaan, kamu boleh menyimpan senarai tempat makan yang kamu sukai dan pastikan juga harganya tidak mahal. Kerana, sudah pasti si dia yang akan menawarkan diri membayar harga makanan. Jika murah harganya, pasti si dia akan memuji kepandaian kamu memilih lokasi.

Secara kasarnya, lelaki sangat suka berada di tempat-tempat begini. Jika kamu lihat dengan mata kasarmu sendiri, kamu pasti dapat lihat kebanyakan lokasi pertemuan seorang lelaki, pastinya kedai makan. Mereka suka duduk berbual sambil minum-minum dengan rakan atau orang yang disayangi.

Bagi kamu yang sentiasa menitik beratkan kecantikan bentuk badanmu, usah selalu mengajak si dia bertemu di kedai makan. Bimbang pula berat badanmu akan naik mendadak. Sese kali kamu boleh mengajak si dia ke tempat kesukaanmu. Mungkin berjalan-jalan ke tasik atau jika kamu suka menghabiskan masa di kompleks membeli-belah, apa salahnya mengajak si dia ke situ?

### **Langkah 29 : Ketika Si Dia Marah Atau Sedih**

Mungkin ada ketikanya, kamu akan bertemu dengan si dia dalam keadaan yang tidak sesuai. Mungkin ketika si dia sedang marah atau sedang bersedih.

Sekiranya si dia masih dalam keadaan marah, usah bertanya padanya apa yang membuatkan si dia marah. Kamu juga jangan meninggalkan si dia keseorangan di situ hanya semata-mata mahu menunjukkan reaksi kamu atas dirinya yang sedang marah.

Sebaliknya, kamu tetap berada bersamanya. Biarkan dia meluahkan perasaan marahnya. Pada ketika ini, usah mempersoalkan atau membangkang setiap perkataan yang keluar daripada mulutnya. Habiskan masa dengan mendengar dahulu.

Kamudian, ketika si dia sudah reda, kamu tenteramkan dirinya. Berikan kata-kata semangat dan beritahu yang kamu ada untuknya.

Begitu juga sekiranya si dia dalam keadaan sedang bersedih. Kamu tetaplah berada bersamanya, cuba hiburkan hatinya dan jangan sesekali bertanya apa yang membuatkan si dia bersedih. Kecuali jika si dia yang memulakan cerita.

Seterusnya, kamu beritahu yang kamu juga faham apa yang dirasainya ketika itu dan beritahu padanya, kamu akan sentiasa membantu si dia menghilangkan kesedihan yang dialaminya.

### **Langkah 30 : Jangan Lebih**

Sebagai gadis yang sopan, kamu harus menunjukkan yang kamu tidak melebihi-lebih dalam usaha mendapatkan hatinya.

Sikap melebihi-lebih sebenarnya mampu membuatkan si dia berasa meluat denganmu. Kamu mungkin akan ditinggalkan olehnya tanpa sebarang kata putus.

Tunjukkan yang kamu adalah seorang yang tenang dan bersigat minimalis. Kamu juga tidak melebihi-lebih dalam menunjukkan perasaan kamu padanya.

Usah terburu-buru. Kamu pastinya mempunyai banyak masa lagi untuk mendapatkan hati si dia.

Berdoa dan memintalah pada Tuhan Yang Satu agar kamu dan si dia dijodohkan.

# Cinta Zulaikha Terhadap Yusuf AS

Kisah cinta Zulaikha terhadap Yusuf AS boleh dijadikan pengajaran oleh kita wahai gadisku, dalam mencintai makhluk, kerana yang sesungguhnya Zulaikha telah memacu cintanya yang paling dalam terhadap Yusuf AS sehinggakan pada akhirnya berjaya menemui cinta teragung yakni Allah SWT. Lantaran rahmat dan kasih sayang Allah SWT, Allah mempertemukan semula Zulaikha dengan kekasihnya Yusuf AS dalam hubungan yang halal. Demi Allah SWT, bukankah Dia Yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu? Firman Allah SWT;

*"Dan (sesudah itu) perempuan-perempuan di bandar Mesir (mencaci hal Zulaikha dengan) berkata: Isteri Al-Aziz itu memujuk hambanya (Yusuf) berkehendakkan dirinya, sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudahlah meresap ke dalam lipatan hatinya; sesungguhnya kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata."*

*(Surah Yusuf 12 : ayat 30)*

Cinta terhadap Yusuf AS dikatakan telah meresap ke dalam lipatan hati Zulaikha sehingga dikatakan dia telah mencintai Yusuf dengan tahap kecintaan ketujuh, iaitu kecintaan yang amat dalam. Lantaran besarnya kecintaan Zulaikha terhadap Yusuf AS, maka dia telah rela dicaci dan dicerca oleh wanita yang lainnya.

Lantaran cinta dan berahinya terhadap Nabi Yusuf AS maka pada suatu hari, Zulaikha telah meminta Yusuf datang ke kamarnya. Dia telah mempersiapkan dirinya dengan memilih pakaian paling cantik dan sedikit terdedah yang pasti menggegarkan naluri seorang lelaki, dia berhias sebaik mungkin dan menebarkan keharuman pada tubuhnya.

Ketika datangnya Yusuf, dia kemudiannya telah meminta supaya pintu ditutup. Zulaikha telah menggoda Yusuf namun Yusuf menolak dan melarikan diri sehingga Zulaikha telah menarik bajunya pada bahagian belakang, lantas terkoyaklah baju Yusuf AS. Akibat malu ditolak, Zulaikha telah menangis dan mengarang cerita bahawasanya Yusuf AS telah berkehendakkan dirinya dan ini menyebabkan Yusuf AS dipenjara.

Kisah Zulaikha dan Yusuf dirakamkan dalam Al-Quran bermula surah Yusuf ayat 21 sehinggalah Yusuf AS dipenjarakan pada ayat 36 surah yang sama, kerana fitnah kononnya Yusuf AS menggoda Zulaikha, isteri al-Aziz. Bagaimanapun pada ayat 51 surah yang sama, Allah SWT berfirman, maksudnya;

*"Isteri Al Aziz pun berkata: Sekarang ternyatalah kebenaran, akulah yang memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan sesungguhnya adalah ia dari orang yang benar."*

*(Surah Yusuf 12 : ayat 51)*

Yusuf AS telah dilantik sebagai pembesar Mesir ketika itu setelah keluar dari penjara kerana kepandaianya dalam mentafsir mimpi. Zulaikha pula telah berpindah ke sebuah pondok usang. Di sana, dia bertaubat dan mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Tidak habis-habis dalam doanya, dia berharap agar Allah menyatukan semula cintanya terhadap Yusuf AS. Wahai bidadariku,

Benar bukan cinta itu adalah satu anugerah? Cinta itu tidak pernah salah dan sifatnya lembut, sifatnya memberi, sifatnya tulus, sifatnya tergantung pengharapan cuma yang menjadi silapnya adalah ketika kita tegar membelakangkan suruhan Allah SWT dan agama demi cinta.

Apakah salah mencintai makhluk? Tidak sama sekali. Bahkan Zulaikha telah mencintai Yusuf AS dengan sebesar-besar kecintaan. Serahkan pengharapan kepada Dia Yang Maha Mendengar. Ketahuilah, belas kasihan dan kasih sayang Allah SWT cukup besar sifatnya. Kembalilah kepada Dia yang Maha Memiliki Cinta.

Cinta yang dilandaskan padaNya dan mengikut suruhan serta meninggalkan laranganNya pasti akan menghasilkan sesuatu yang tidak kamu terduga, wahai gadisku.